



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HUANG TIONG SII
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM**

BERSEMPENA

**PROGRAM PENANAMAN POKOK
"MISSION GREENPOSSIBLE: 100MILLION TREES BY 2025"**

**14 JANUARI 2023 (SABTU)
9.30 PAGI**

**TAMAN TASIK CEMPAKA (FASA 5), BANDAR BARU BANGI,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

(Salutations to be updated)

YANG BERUSAHA ENCIK EFFENDY SHAHUL HAMID

Pengerusi

TNG Digital Sdn. Bhd.

YANG BERUSAHA TUAN HAJI NAJMUDDIN JEMAIN

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kajang

YANG BERBAHAGIA DATO' INDERA MOHD RIDZA AWANG

Ketua Pengarah

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

YANG BERUSAHA ENCIK AMIN ABDULLAH

Ketua Pegawai Eksekutif

Yayasan Hijau Malaysia

Dif-dif jemputan

Wakil-Wakil Media

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Saya bersyukur kerana pada pagi ini, kita dapat bersama-sama hadir di Taman Tasik Cempaka (Fasa 5), Bandar Baru Bangi, Selangor untuk **Program Penanaman Pokok “Mission Greenpossible: 100 Million Trees by 2025”**. Terlebih dahulu, izinkan saya menyampaikan salam takzim daripada Yang Berhormat Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim di mana beliau tidak dapat bersama-sama kita pada hari ini kerana menghadiri urusan rasmi lain.

Para hadirin sekalian,

2. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur iaitu Kumpulan Touch 'n Go, Yayasan Hijau Malaysia (YHM) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) atas penganjuran program pada hari ini. Saya difahamkan Kumpulan Touch 'n Go melalui TNG Digital Sdn. Bhd. bersama-sama YHM telah melancarkan kempen Mission GreenPossible: 100 Million Trees by 2025 pada 26 Oktober 2022 yang lalu bagi menyokong pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.

3. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) akan terus memberi sokongan dan galakan kepada mana-mana pihak yang berminat menjayakan Agenda Penghijauan Malaysia selaras dengan usaha untuk menerapkan kesedaran serta semangat cintakan khazanah sumber asli di negara ini.

Para hadirin sekalian,

4. Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dilancarkan oleh Kerajaan bertujuan mengajak semua pihak untuk bersama-sama menjayakan agenda penanaman pokok secara besar-besaran di seluruh negara. Pada tahun lepas, kempen ini telahpun berjaya melepasi sasarannya dan NRECC masih terus mengekalkan sasaran untuk menanam sebanyak 20 juta pokok untuk tahun ini. Sehingga kini, kempen yang bertemakan “PENGHIJAUAN MALAYSIA: POKOK KITA, KEHIDUPAN KITA” atau “Greening Malaysia: Our Trees, Our Life” telah berjaya merekodkan **jumlah keseluruhan sebanyak 50.3 juta pokok ditanam yang merangkumi lebih satu ribu spesies di seluruh negara**. Pencapaian kempen ini boleh dilihat dan diperolehi secara terus melalui aplikasi mudah alih iaitu “PENGHIJAUAN MALAYSIA” dan juga laman sesawang khas www.100jutapokok.gov.my.

Para hadirin sekalian,

5. Tanggungjawab memelihara dan memulihara flora dan fauna ini merupakan tanggungjawab kita bersama dan bukan hanya terletak di bahu Kerajaan sahaja. Oleh itu, syarikat-syarikat korporat harus menyedari bahawa mereka perlu bertindak melebihi tanggungjawab perniagaan dan menjadikan usaha menjaga alam sekitar secara khususnya sebagai usaha progresif bersama. NRECC juga telah mendapat kerjasama yang baik daripada pihak-pihak swasta tertentu dan juga badan-badan bukan kerajaan sebelum ini yang telah banyak menyumbang dalam pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. NRECC amat menghargai sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan dan

berharap kesedaran untuk sama-sama menjaga sumber alam ini akan dapat ditingkatkan.

6. Inisiatif Kumpulan Touch 'n Go hari ini sememangnya telah menyediakan platform kepada orang ramai untuk turut serta dalam usaha penanaman pokok. Orang ramai boleh memberi sumbangan secara terus menerusi aplikasi Touch 'n Go eWallet untuk menyokong kempen ini. Pada pagi ini, kita akan menanam kumpulan pokok pertama yang merupakan hasil daripada sumbangan orang ramai melalui aplikasi Touch 'n Go eWallet.

Para hadirin sekalian,

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kumpulan Touch 'n Go, YHM dan MPKj kerana telah menjemput saya untuk merasmikan Program Penanaman Pokok “Mission Greenpossible: 100 Million Trees By 2025”. Saya merasakan kerjasama ini adalah amat bermakna dan saya berharap agar projek ini dapat berjalan dengan lancar serta dapat mencapai objektif yang disasarkan.

8. Dengan ini, sukacitanya saya melancarkan Program Penanaman Pokok **“Mission GreenPossible: 100 Million Trees by 2025”**.

Sekian, terima kasih.

**Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
14 Januari 2023**